

KEPENTINGAN DAN PERANAN APLIKASI TIKTOK DALAM MENYEBARKAN DAKWAH DIKALANGAN REMAJA

Nurul Jannah Binti Abdul Manan¹
Nurul Iffah Binti Muhamad Lutfi²
Nurul Izzah Binti Sa'hari Anuar³
Syed Najihuddin Bin Syed Hassan⁴

¹ Faculty Of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (Email: jannahmanan00@raudah.usim.edu.my)

² Faculty Of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (Email: nuruliffah00.lutfi@raudah.usim.edu.my)

³ Faculty Of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (Email: nurulizzah_sa@raudah.usim.edu.my)

⁴ Faculty Of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (Email: syednajihuddin@usim.edu.my)

Abstrak: Media sosial TikTok merupakan platform baru dalam menyampaikan pesan dakwah. Perkembangan teknologi dalam komunikasi ini dapat mempermudah penyebaran maklumat dari satu tempat ke satu tempat dengan mudah. Penyebaran maklumat seperti isu dan ilmu agama dapat dikongsi dengan mudahnya kepada berjuta orang. Aplikasi TikTok ini juga sekarang menular dalam kalangan orang muda. Tambahan pula, aplikasi ini juga lebih mudah diakses serta menarik kerana sifatnya yang menggabungkan elemen audio dan visual. Selain hiburan, TikTok juga merupakan alternatif pendakwah untuk mendakwah. Pendakwah juga menggunakan isi dakwah yang menarik dan unik. Kajian membincangkan potensi penggunaan teknologi TikTok terutamanya untuk aktiviti dakwah dan cabaran yang mungkin timbul dalam penggunaannya. Perbincangan adalah berdasarkan senario semasa dalam konteks landskap media berkaitan penggunaan media untuk aktiviti dakwah dikalangan anak muda khususnya. Aktiviti dakwah semasa mestilah mengambil kira penggunaan media yang dimiliki dan digunakan oleh khalayak untuk memastikan kesampaian dan penerimaan mesej dakwah. Dalam masa yang sama, membantu perkembangan ajaran islam yang betul. Jenis kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif iaitu melalui kajian kepustakaan dan tinjauan melalui bahan-bahan rujukan. Hasil kajian ini mendapati peranan TikTok mampu mempengaruhi persepsi atau pemahaman pengguna terhadap pengajian Islam. Kesimpulannya, kewujudan platform Tiktok mampu dijadikan medium rujukan dakwah yang bermanfaat untuk masyarakat khususnya golongan muda.

Kata Kunci: Platform, teknologi, dakwah, media, tiktok, visual

Pendahuluan

Manusia diciptakan sebagai ‘*khalifah*’ dimuka bumi Allah swt, iaitu mereka diseru ‘*amar makruf nahi mungkar*’ dengan melakukan segala kebaikan dan meninggal segala larangan Allah swt. Demi menyebarkan ajaran Islam sesuai mengikut peredaran zaman yang makin pesat pada era globalisasi ini pelbagai kaedah yang digunakan oleh pendakwah-pendakwah kini. Pada era globalisasi ini, media sosial yang menjadi alat penyampaian dakwah seperti televisyen, facebook, instagram dan youtube. Malah kini tercipta aplikasi yang lebih moden dan lebih mendapat perhatian semua golongan dari kalangan artis sehingga masyarakat biasa, remaja, pengajar, pelajar dan semestinya menjadi aplikasi kegemaran dikalangan anak muda iaitu aplikasi Tiktok. Tiktok kini telah menjadi aplikasi yang paling sering digunakan oleh masyarakat di Malaysia kerana ia meliputi semua aspek kemudahan yang disediakan terutamanya untuk peniaga, ‘content creator’, pendakwah-pendakwah muda dan pelbagai bentuk idea menyampaian video yang dapat menarik hati pengguna Tiktok.

Oleh sebab itu, ramai pendakwah-pendakwah muda dan ‘content creator’ mula berjinak dan mengambil tempat di platform Tiktok kerana ianya lebih memberi kesan kepada anak-anak muda serta pengguna Tiktok yang lain tanpa mengira umur bangsa dan agama. Terdapat juga ‘content creator’ di kalangan golongan yang berpendidikan menggunakan platform Tiktok sebagai medan untuk menyampaikan ilmu pengetahuan kepada masyarakat. Tidak disangkal lagi bahawa Tiktok menjadi satu platform sebagai tumpuan masyarakat kini kerana platform ini amat memberi manfaat dan kebaikan kepada pengguna tanpa mengira pangkat, darjat serta taraf mereka. Akaun Tiktok merupakan salah satu contoh pemanfaatan pengguna yang bertujuan untuk berdakwah bukan sekadar mempamirkan badan semata-mata.

Aplikasi Tiktok ini terdapat pelbagai manfaat dan kebaikannya tersendiri yang akan dibahas oleh pengkaji-pengkaji didalam kajian ini. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji pengertian dakwah menurut perspektif Islam. Seterusnya cara cara penyampaian dakwah yang digunakan oleh pendakwah di Tiktok dan akhir sekali objektif untuk kajian ini adalah membincangkan hadis tentang pengharusan menggunakan teknologi sebagai medan dakwah (Tiktok). Dengan kajian ini pengkaji dapat membuktikan bahawa Tiktok bukan sahaja medium untuk perkara yang tidak berfaedah seperti yang diuarkn uarkan tarian gelek bahkan dapat dilihat dari sudut positif sekiranya digunakan sebagai platform yang menjadi alat penyampaian dakwah kalangan masyarakat di Malaysia.

Kajian Lepas

Kajian daripada Rismaka Palupi, Umi Istiqomah, Fella Vidia Fravisdha, Nur Lail Septiana, Ailyn Maharung Sarapil (2021), ini dijalankan untuk mengetahui aktiviti pengguna media sosial. Pada masa kini, media sosial mempunyai pengaruh yang besar terhadap tahap kehidupan masyarakat dari peringkat kanak-kanak hingga dewasa, tidak terlepas daripada kewujudan media sosial, iaitu menggunakan aplikasi Tik Tok. Aplikasi ini menjadi rujukan untuk menganalisis respons netizen (TikTokers) berkaitan kandungan dakwah Islamiah melalui platform Tik Tok yang merupakan satu bentuk aktiviti siber. Daripada hasil pembacaan komen di posting netizen Tik Tok berhubung kandungan seorang pendakwah muda Islam, Ustaz Adnin, mendapati media sosial Tik Tok merupakan platform yang dijanjikan dalam penyebaran Islam di era globalisasi ini, terbukti dengan sambutan terhadap posting dakwahnya yang mendapat lebih banyak reaksi positif berbanding negatif. Ini kerana ia memberi perhatian kepada prinsip Islam dan direka bentuk semenarik mungkin tanpa mengandungi unsur-unsur yang menyeleweng.

Menurut kajian daripada Yulia Nafa Fitri Randani, Safrinal, Jalimah Zulfah Latuconsina dan Muhammad Roy Purwanto (2021), aplikasi Tik Tok merupakan sebuah aplikasi yang memberikan kesan yang unik dan menarik yang biasa digunakan oleh para pengguna aplikasi ini dengan mudah untuk membuat video pendek yang bagus dan boleh menarik perhatian banyak orang yang melihatnya. Aplikasi ini memiliki ribuan hingga jutaan pengguna melibatkan satu dunia. Biasanya aplikasi ini berisi video-video pendek dengan konten yang menarik dan memiliki ragam genre mulai dari konten makanan, fashion, education, hingga konten-konten menarik lainnya yang semua ini dibuat dengan tujuan sebagai hiburan dakwah.

Menurut kajian daripada Nur Fatin Farhanan Mat Saad, Nur syamimi Afifi Arifin dan Nurul Nadhirah Abd Karim (2022), perkembangan teknologi komunikasi di dunia semakin pantas dan lebih maju yang lebih memudahkan penyampaian maklumat tanpa batasan tempat dan masa. Aplikasi TikTok, sebagai contoh, kini kerap digunakan oleh masyarakat masa kini kerana pengisian yang tersedia lebih menarik perhatian mereka. Isi kandungan dakwah dalam aplikasi TikTok didapati mutakhir ini sangat membantu individu yang ingin mempelajari nilai-nilai Islam. Ini kerana telah terdapat pelbagai video pengisian ringkas tetapi padat dengan ilmu yang sangat relevan dengan kehidupan seharian. Dengan pengisian seperti ini bermakna ia menjadikan aplikasi TikTok tidak kelihatan begitu buruk, keberkesanan kandungan video membantu individu untuk memahami serba sedikit tentang agama, memberikan pandangan baru bersama penjelasan sejarah dan bacaan al-Quran serta hadis dalam setiap kandungan. Justeru, kajian ini dilaksanakan untuk mengetahui impak dakwah dalam aplikasi TikTok kepada masyarakat.

Menurut dapatan kajian daripada Muhammad Qayyim bin Khaidir (2022), pendekatan dakwah melalui tiktok sangat penting kerana melalui aplikasi ini dapat menasaskan lebih ramai target bagi menyeru kepada kebaikan. Hal ini kerana majoriti lapisan golongan masyarakat bermula dari kanak-kanak sehinggalah golongan tua, kebanyakan mereka sangat aktif di aplikasi ini terutamanya golongan remaja. Ini menjadikan satu kelebihan yang besar kepada para pendakwah untuk menyampaikan dakwah melalui aplikasi ini. Sebagai contoh, mereka suka melihat video-video yang pendek serta berilusi serta bergrafik yang menarik kerana ianya akan mengelakkan diri terasa bosan dengan penyampaian tersebut.

Menurut dapatan kajian daripada Nur Fatin Farhanah Mat Saad, Nur Syamimi Afifi Arifin dan Nurul Nadhirah Abd Karim (2022), kajian mereka meninjau perkembangan dakwah di era ini, banyak peranan pelbagai kalangan masyarakat baik muda mahupun tua terlibat secara aktif dalam menyebarkan dakwah secara atas talian online. Memandangkan perkembangan media sosial yang berkembang pesat sekarang ini, terlalu ramai generasi milenium mula menggunakan media sosial untuk menyebarkan kandungan dakwah dan menyeru kepada nilai kebaikan Islam. Salah satu media yang kerap mereka gunakan sebagai medium dakwah ialah aplikasi Tik Tok. Justeru itu, untuk menyebarkan dakwah melalui aplikasi Tik Tok, seorang pendakwah Ustaz Adnin Roslan perlu mempunyai kreativiti dan berinteraksi dengan penonton dengan menjawab kebimbangan dan persoalan yang wujud sehingga penonton merasakan ada impak dan faedah positif dalam bentuk ilmu melalui interaksi tersebut. Unsur Estetika juga sangat penting dalam menarik penonton melawat akaun seseorang pendakwah, feed yang lebih menarik digunakan oleh pendakwah sangat berpengaruh dalam menarik lebih ramai penonton dan membuat pengguna lain kembali ke halaman pendakwah tersebut berulang kali untuk menonton video dakwah, ini membuka peluang untuk memperoleh like dan share yang lebih banyak dan menjadikan kandungan yang dimuat naik akan datang lebih mudah diakses dan tidak putus memberi manfaat kepada seluruh masyarakat.

Definisi Dakwah menurut Perspektif Islam

Dari sudut bahasa, kalimah dakwah berasal daripada lafaz perkataan bahasa Arab iaitu," yang "دعني" Perkataan "دعوة" adalah istilah yang dikembangkan dari kalimat ". دعوة - دعوني bermaksud meminta tolong, beribadat, memandu, menjemput, mengajak, memanggil dan menyeru (Manzur). Dengan ini, jelas menunjukkan bahawa maksud dakwah dari pengertian bahasa adalah merujuk kepada usaha mengajak atau menyeru ke suatu arah dan ianya semata-mata menyeru. Oleh itu, maksud dakwah sangat umum tanpa arah dan halatuju yang terperinci.

Dari sudut istilah pula, 'Abd al-Karim Zaidan menyatakan bahawa dakwah adalah menyeru kepada agama Allah S.W.T iaitu agama Islam (Zaidan). Dakwah adalah mengajak orang lain untuk meyakini dan mengamalkan aqidah dan syariat Islam yang terlebih dahulu diyakini dan diamalkan oleh pendakwah sendiri (Hasjmy, 1974). Ia juga merupakan tanggungjawab bersama setiap individu dan merupakan seruan yang menuntut manusia menerima kebajikan manusia, menghormati nilai kemanusiaan dan menghayati kesempurnaan tuntutan naluri manusia (Abdullah, 2000).

Berdasarkan hujah-hujah di atas, dapat disimpulkan bahawa dakwah adalah usaha mengajak dan menyeru manusia kepada agama Islam, mengubah kebatilan menjadi kebenaran, keingkaran menjadi ketaatan dan keluar dari kegelapan kesesatan untuk menuju cahaya petunjuk agama Islam yang benar secara zahir atau batin. Pengertian menurut istilah ini membezakan dakwah Islamiah dengan dakwah secara bahasa bahawa ia menyeru, mengajak dan menjemput manusia kepada agama Allah SWT bukan agama lain.

Dalil Tentang Pengharusan Menggunakan Teknologi Sebagai Medan Dakwah (Tiktok)

Berdakwah kepada Allah SWT adalah satu tuntutan kerana ia merupakan satu proses ta'lim (pengajaran) dan tarbiah (pendidikan dan pembentukan). Di atas pelaksanaan tuntutan inilah maka akan tertegaknya asas-asas kebahagiaan dunia dan akhirat. Allah SWT telah memerintahkan nabi-Nya untuk melaksanakan tugas ini. Kesimpulannya tugas berdakwah merupakan satu kefardhuan syar'ie dan dan keperluan dharuri bagi manusia. Banyak dalil daripada al-Quran dan hadis tentang kefardhuan melaksanakan dakwah. Antaranya adalah firman Allah SWT:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجِدْهُمْ بِالنِّبَاتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ١٢٥

Maksudnya: Serulah ke jalan Rabbmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik. Sesungguhnya Rabbmu, Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat daripada jalan-Nya dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang mendapat hidayah petunjuk. (Surah An-Nahl: 125)

بَلِّغُوا عَنِّي وَلَوْ آيَةً، وَحَدِّثُوا عَنِ بَنِي إِسْرَائِيلَ وَلَا حَرَجَ، وَمَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّدًا، فَلْيَتَّبِعُوا مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ.

(حديث صحيح البخاري)

Berdasarkan riwayat Al- Bukhari ini telah menunjukkan bahawa dakwah adalah penting untuk dilakukan yang mana nabi Muhammad SAW menyuruh untuk berdakwah dan menyampaikan dakwah tersebut melalui pelbagai cara walaupun hanya satu ayat yang digunakan untuk menyeru masyarakat melakukan kebaikan dan menjauhi kemungkaran. Sesungguhnya dakwah itu dituntut dalam Islam.

Kaedah Penyampaian Dakwah di Aplikasi Tiktok

Penyampaian bahan dakwah perlulah selari dengan jiwa dan perkembangan anak muda. Ini kerana ikutan anak muda sekarang ini mudah suka kepada perkara-perkara yang tular seperti lagu atau muzik. Hal ini bertujuan supaya dakwah itu menjadi lebih mudah untuk sampai dan difahami oleh mereka sekaligus menyebabkan mereka dapat menerima dengan baik. Oleh itu, para pendakwah boleh menggunakan lagu-lagu tersebut selagi mana tidak bercanggah dengan syariat dalam penyampaian video dakwah tersebut supaya mereka mudah lagi tertarik dengan perkara yang disampaikan.

Selain itu, metod penyampaian dakwah mestilah disampaikan dalam bentuk video secara ringkas dan jelas. Hal ini kerana majoriti masyarakat lebih gemar menonton video-video yang pendek berbanding dengan video yang mempunyai tempoh masa yang panjang. Maka, aplikasi tiktok merupakan salah satu medium yang menyediakan pelbagai jenis gaya dan bentuk yang boleh digunakan oleh para pendakwah dalam menciptakan video yang pendek. Tambahan pula, sebagai pendakwah kita boleh mempelbagaikan bahasa di dalam video yang dihasilkan. Sebagai contoh, suara yang bercakap di dalam video menggunakan bahasa standard iaitu bahasa Melayu manakala di bahagian sarikata itu boleh diletakkan bahasa-bahasa lain seperti bahasa Inggeris, bahasa arab dan lain-lain. Perkara ini akan menyebabkan ramai orang lagi tertarik untuk melihat video kerana mempunyai pelbagai bahasa yang boleh difahami.

Seterusnya, sebagai seorang pendakwah, kita mestilah sentiasa menguasai dan mempelajari ilmu yang disampaikan kepada masyarakat supaya tidak timbul perselisihan faham antara satu sama lain. Malah, dengan menguasai ilmu tersebut, para pendakwah sudah tentu mampu menjawab segala persoalan masyarakat dengan baik mengikut tahap keilmuan seseorang pendakwah itu. Perkara yang disampaikan itu mestilah dirujuk dan diteliti kebenaran dan kesahihan bersandarkan dari Al-Quran dan Hadis supaya tidak menimbulkan keraguan oleh orang ramai. Ini kerana terdapat segelintir golongan yang ingin menjatuhkan para pendakwah dengan mempertikaikan kesahihan sumber dakwah ini. Oleh itu, para pendakwah terutamanya golongan dai'muda perlulah menjadi seseorang yang lebih arif dalam penguasaan ilmu yang akan disampaikan supaya tidak timbul perkara-perkara yang tidak diingini.

Kepentingan dan Peranan Dakwah Melalui Tiktok

Tik tok merupakan salah satu aplikasi yang merekodkan jumlah pengguna yang terbanyak iaitu termasuk dalam 5 kedudukan media sosial yang tertinggi. Mengikut kajian, pada tahun 2022 bilangan jumlah pengguna yang menggunakan aplikasi tiktok ini adalah mencecah angka 1 billion. Ini menunjukkan suatu jumlah angka yang tinggi dan majoriti pengguna sering berada di tiktok kerana kepelbagaian fungsi yang dimiliki. Oleh itu, para pendakwah perlulah bijak menggunakan medium dakwah di aplikasi tiktok untuk menyampaikan dakwah dengan cara dan bentuk kreativiti masing-masing supaya agama yang benar dapat disampaikan kepada seluruh masyarakat dan umat Islam.

Antara kepentingan untuk berdakwah melalui tiktok ialah kerana mudah dan senang untuk menghasilkan video-video pendek. Malahan, kemudahan dari segi audio dan visual juga disediakan untuk memudahkan para pengguna untuk menggunakannya. Ini akan menyebabkan masyarakat mudah untuk memahami dakwah yang disampaikan sekaligus berasa tertarik untuk melihat isi kandungan berbentuk dakwah dan keagamaan.

Seterusnya, pendekatan dakwah melalui tiktok sangat penting kerana melalui aplikasi ini dapat menasarkankan lebih ramai penonton bagi menyeru kepada kebaikan. Hal ini kerana majoriti lapisan golongan masyarakat bermula dari kanak-kanak sehinggalah golongan tua, kebanyakan mereka sangat aktif di aplikasi ini terutamanya golongan remaja. Ini menjadikan satu kelebihan yang besar kepada para pendakwah untuk menyampaikan dakwah melalui aplikasi ini. Sebagai contoh, mereka gemar melihat video-video yang pendek berserta lagu dan berilusi serta bergrafik yang menarik kerana ianya akan mengelakkan diri terasa bosan dengan penyampaian tersebut.

Contoh Penceramah dan Petikan daripada Video Dakwah Mereka yang Menggunakan Aplikasi Tiktok sebagai Medan Dakwah

a) Ustaz Adnin Roslan

Ahmad Adnin bin Roslan merupakan seorang penulis kepada syarikat yang diasasnya, Sentap Press Sdn. Bhd dan pengasas kepada Tarbiah Sentap. Anak kelahiran Klang, Selangor ini yang dilahirkan pada tahun 23 Mei 1992 (30 tahun). Ustaz Adnin Roslan memulakan pendidikan agama sejak dari kecil lagi. Keluarganya sentiasa menitik beratkan soal agama. Menjelang sekolah rendah, beliau dihantar untuk belajar di Sekolah Rendah Islam Hira'. Kemudian ke Maahad Tahfiz al-Quran Hira' dan Sekolah Menengah Islam Hira'. Beliau mendapat keputusan yang cemerlang dalam ujian Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), dengan keputusan 9A. Beliau juga alhamdulillah berjaya menghafaz 30 juzuk Alquran dalam masa 1 tahun 9 bulan. Seterusnya, beliau ke Akademi Ikatan Muslimin (AIM), Ipoh bagi menduduki Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Beliau berjaya mendapat pangkat Mumtaz (Cemerlang) pada tahun 2011. Selepas itu, Ustaz Adnin melanjutkan pelajarannya ke Universiti Al-Azhar, Mesir dalam bidang Fiqh dan Usul. Namun, akibat daripada pergolakan yang berlaku ketika itu, beliau mengambil keputusan untuk pulang ke tanah air tercinta dan menyambunginya di Malaysia, iaitu di Al-Madinah International University. Ketika di Mesir, beliau sempat mendapat sanad bacaan Alquran hingga ke Rasulullah dengan pangkat Jayyid Jiddan.

Ustaz Adnin Roslan juga merupakan seorang yang aktif dalam berkata-kata sejak dari zaman sekolah lagi sehinggalah menjadi seorang penceramah bebas. Di samping itu, beliau juga terkenal di kalangan remaja dan belia kerana beliau sering menyampaikan dakwah menggunakan medium teknologi zaman kini iaitu media sosial seperti Tiktok, Instagram, Twitter dan sebagainya. Tajuk yang disampaikan ialah: Berakhlak baiklah dengan ibu bapa. kaedah yang di sampaikan dakwah melalui aplikasi tiktok dalam bentuk sesi soal jawab melalui comment yang ditinggalkan para penonton.

Link Video Ceramah Ustaz Adnin Roslan : <https://vt.tiktok.com/ZS82g8rWL/>

Kesimpulannya, Islam mewajibkan anak-anak menghormati dan berakhlak baik kepada kedua ibu bapanya bukan saja ketika mereka masih hidup, malah selepas mereka meninggal dunia, berakhlak baik dan penghormatan itu wajib dikekalkan oleh anak-anaknya. Seperti melayan karenah dan cerita yang dikongsikan oleh mereka bersama.

Dengan jenakan dan soalan soal jawab ini membuatkan anak-anak remaja kini lebih gemar bertanya dan memperoleh ilmu baharu.

b) Ustaz Azhar Idrus

Ustaz Azhar Idrus ialah seorang penceramah bebas Malaysia. Beliau terkenal dengan gaya penyampaian dan ceramahnya amat bersahaja, diselit dengan jawapan pekat dengan slanga Terengganu. Lahir pada 12 Februari 1964 (58 tahun) di Kampung Ladang, Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman.

Ustaz Azhar mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Hj Mohd Sharif, Alor Star, Kedah. Selepas tamat pengajian di peringkat rendah, beliau menyambung pengajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Darulaman, Alor Star, Kedah sampai ke tingkatan 2. Apabila beliau memasuki ke tingkatan 3, beliau berpindah ke negeri kelahirannya di sekolah Inggeris, Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Sulaiman, Kuala Terengganu sampai tamat pengajian tingkatan 6. Beliau telah mendapat pendidikan agama secara talaqqi dengan beberapa orang guru agama di sekitar Kuala Terengganu. Antaranya ialah: Guru pertama Tuan Guru Haji Syed Mokhtar - Tamat lebih kurang 40 buah kitab-kitab jawi secara talaqi,

Ustaz Azhar sebelum ini ialah seorang pemain gitar dalam satu kumpulan muzik sekitar Kuala Terengganu dan sempat mengadakan beberapa persembahan di stadium-stadium. Setelah kumpulan muziknya mengambil keputusan untuk buat rakaman, Ustaz menarik diri kerana tujuannya hanya suka-suka sahaja menyertai kumpulan muzik, bukannya untuk mencari glamor. Beliau pernah menjadi guru muzik pada tahun 1985. Oleh itu beliau mesra dan serasi dengan orang muda. Ceramah beliau yang disertai pelawak Zizan Raja Lawak cukup menarik perhatian ramai. Selepas berkahwin seminggu pada tahun 1990, Ustaz mengambil keputusan berhenti kerja dan bekerja sebagai mencanting batik dan ketika inilah beliau mempelajari bidang ilmu agama secara bersungguh-sungguh. Tiada alasan baginya hujan dan ribut. Beliau sendiri pergi mencari guru-guru agama dan belajar dirumah atau pondok guru berkenaan.

Antara tajuk ceramah yang disampaikan Ustaz Azhar Idrus ialah ketika solat ada tetamu datang rumah. Kaedah yang dijelaskan melalui aplikasi tiktok ialah hendaklah memberi isyarat seperti kuatkan bacaan suara ketika solat. Contohnya ketika waktu rukuk kuatkan suara mengangkat takhbiratul ihram dan semata-mata untuk menjawab panggilan orang di luar solat maka terbatal solatnya.

Link Video Ceramah Ustaz Azhar Idrus : <https://vt.tiktok.com/ZS82gBNYA/>

Natijahnya, Mengangkat suara semasa mengerjakan ibadat solat bagi tujuan memberi isyarat dan kefahaman kepada orang yang memanggil tersebut adalah diharuskan sekiranya terdapat keperluan dan hajat seperti gangguan terhadap fokus solat. Namun begitu, perbuatan tersebut hendaklah pada bacaan-bacaan dalam solat seperti takbir untuk berpindah rukun atau bacaan zikrullah seperti subhanallah dalam masa yang sama perlu diniatkan untuk membaca bacaan tersebut. Adapun jika tidak meniatkan membaca takbir atau tasmik dan semata-mata untuk menjawab panggilan orang di luar solat maka terbatal solatnya.

c) Ustaz Syamsul Debat

Ustaz Syamsul Debat atau nama sebenar Syamsul Amri bin Ismail berusia 45 tahun pada tahun 2022. Beliau berasal daripada Kampung Ayer Dedali, Jempol Negeri Sembilan. Beliau lepasan daripada Ijazah Saujana Muda Undang-Undang di salah satu Universiti Awam di Malaysia iaitu Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam. Beliau dikenali sebagai Ustaz Debat kerana peranannya sebagai Presiden Persatuan Alumni Pendebar Malaysia. Beliau juga kerap muncul di kaca TV terutama dalam program Syamsul Debat di TV Al-Hijrah, dan juga di You Tube untuk menyampaikan dakwahnya kepada masyarakat.

Beliau sangat aktif dalam pertandingan debat sehinggalah memperoleh banyak Johan dalam acara debat yang disertai beliau sejak peringkat Universiti hingga ke peringkat kebangsaan. Walaupun usia semakin meningkat beliau masih lagi aktif dan menjadi seorang jurulatih untuk melatih pendebat-pendebat di peringkat Universiti dan sebagainya.

Link Video Ceramah Ustaz Syamsul Debat : <https://vt.tiktok.com/ZS8j1NUGw>

Kesimpulan daripada video ceramah daripada Ustaz Syamsul Debat ini menekankan berkaitan ‘Kekeluargaan’. Antara yang disampaikan Ustaz Syamsul Debat ialah suami isteri perlulah saling menghargai dan mempercayai satu sama lain antara suami dan isteri. Sentiasalah ingat kepada Allah swt, Allah swt akan bantu kita permudahkan dalam segala-galanya. Mohon kepada Allah swt untuk peliharakan dalam semua hal. Jangan lepaskan tanggungjawab antara satu sama lain, saling bantu membantu antara pasangan. Suami membantu isteri dan isteri membantu suami. Suami mestilah ambil tahu tentang anak-anak dan isteri di rumah. Melakukan perkara kebaikan seperti mengajak ahli keluarga ke masjid untuk mendengar ceramah dan kongsikan kepada ahli keluarga setelah pulang ke rumah. ‘Al-Dien Nur Islam’ iaitu cara hidup Islam yang dapat bantu kita akan datang. Antara pasangan mestilah elakkan daripada kontroversi dalam keluarga. Elakkan perkara yang boleh jatuh fitnah pada keluarga. Melakukan kerja kerja yang melibatkan orang ramai serta elakkan berdua-duaan dengan rakan kerja.

d) Ustaz Wadi Annuar

Ustaz Mohamad Wadi Annuar bin Ayub atau dikenali sebagai Ustaz Wadi Annuar. Beliau lahir pada 20 September 1983 bersamaan 12 Zulhijjah 1403H. Ustaz Wadi Annuar berasal daripada Kota Kuala Muda, Kedah Darul Aman. Ustaz Wadi Annuar merupakan lepasan dari Al Fatah Islamic Institute, Syria Kelulusan Bidang Syariah & Bahasa Arab.

Selepas tamat pengajian dari Syria, Ustaz Wadi Annuar pernah berkhidmat di agensi pendidikan dan juga aktif menyampaikan ceramah dalam dan luar negeri. Beliau juga sering diundang ke rancangan TV sebagai panelis jemputan rancangan Al-Kuliyah, terbitan TV3 dan terus bergiat sebagai ceramah jemputan di majlis-majlis besaran. Hal ini kerana, pengaruh Ustaz Wadi Annuar sangat besar kerana tiap kali yang disampaikan oleh Ustaz Wadi Annuar sangat menyentuh hati pendengar. Oleh sebab itu, seandainya Ustaz Wadi Annuar dijemput pasti akan peroleh ramai tontonan di program tersebut.

Link Video Ceramah Ustaz Wadi Annuar : <https://vt.tiktok.com/ZS82Erapo>

Seterusnya daripada keratan video ceramah Ustaz Wadi Annuar di tiktok ini bertajuk ‘Kasih daripada Allah SWT’. Sebagai ummat Islam kita diwajibkan menjaga solat lima waktu, solat di awal waktu untuk mendapat kasih dari Allah swt. Amalan-amalan sunnat juga penting kerana perkara sunnat yang diamalkan akan menampung ibadah

fardhu, daripada amalan fardhunya tidak diterima oleh Allah swt akan diterima oleh Allah swt kerana amalan Sunnah itu akan menampung segala kekurangan pada ibadah fardhu.

e) Ustazah Asma Harun

Ustazah Asma berasal dari Kampung Batu 6, Kuala Terengganu dan dilahirkan pada tanggal 22 September 1983. Beliau mempunyai 10 orang adik beradik dan merupakan anak kepada pasangan Harun Bin Ismail dan juga Fikriah Binti Awang. Ustazah Asma awalnya bersekolah di PASTI, Darul Taqwa. Kemudian meneruskan persekolahan di SMU (A) Darul Anuar Pulau Melaka dan SMU (A) Maahad Muhammadi Lil Banat Kota Bharu. Beliau menyambung pengajian di peringkat yang lebih tinggi di Kolej Universiti Sultan Zainal Abidin (KUSZA) dalam bidang Syariah (Diploma). Kemudian ke Universiti Al-Azhar Mesir (Ijazah Syariah) dan Open University Malaysia (OUM) di peringkat Master Pengajian Islam.

Ustazah Asma pernah bertugas di JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan pada tahun 2008. Jawatan terakhir beliau adalah sebagai Penolong Pengarah Bahagian Undang-Undang Keluarga Islam dan Penolong Pengarah Bahagian Halal. Walau bagaimana pun, beliau telah meletakkan jawatan pada tahun 2017. Kini beliau menumpukan perhatian terhadap tugas sebagai pendakwah, penceramah bebas, pakar motivasi dan perundingcara rumahtangga. Malah, Ustazah Asma turut menulis buku serta merupakan ahli perniagaan dengan memasarkan produk lain seperti telekung, jubah, tudung labuh, pakaian, makanan Sunnah, buku, planner dan lain-lain.

Link video ceramah Ustazah Asma Harun : <https://vt.tiktok.com/ZS82XSpH1/>

Kesimpulan daripada video ini adalah selama kita memberi, kita adalah orang paling baik dari yang menerima. Beliau juga menasihati semua supaya buatlah sesuatu perkara hanyalah semata mata kerana Allah bukan mengharapkan balasan daripada manusia kerana Allah sentisa memberikan ganjaran pahala kepada sesiapa yang melakukan kebaikan.

f) Datuk Ustaz Kazim Elyas

Datuk Ustaz Mohammad Kazim Bin Elias dilahirkan pada tanggal 28 November 1972 di Kampung Paya, Batu Kurau daerah Selama, Perak. Beliau merupakan anak kepada pasangan Elias Bin Che Mat dan Nazirah Binti Ismail. Memulakan persekolahan peringkat sekolah rendah di Sekolah Rendah Toh Sajak, Batu Kurau, Perak. Beliau kemudiannya bersekolah pula di Sekolah Kebangsaan Seri Besout, Felda Gunung Besout 1, Sungkai Perak kerana ibunya ditukarkan ke Sungkai. Datuk Ustaz Kazim telah mendapat pendidikan menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Besout di Felda Gunung Besout 1. Sewaktu di sekolah menengah, beliau telah dilantik menjadi pengawas serta ketua pelajar kerana sifat kepimpinannya yang tinggi. Malah, semasa di sekolah menengah jugalah Datuk Ustaz Kasim mulai menunjukkan minat dalam bidang keagamaan. Justeru sentiasa mendapatkan buku – buku ilmiah berkaitan ilmu agama di perpustakaan sekolah.

Kejayaan beliau dalam menyelesaikan isu masalah keluarga klien membolehkan beliau menjawat jawatan pensyarah di pusat kaunseling tersebut pada tahun 1996. Datuk Ustaz Kazim juga telah dilantik menjadi Imam Masjid Al Aulia di Jalan Kuala Kangsar Perak sehingga tahun 2001. Pada awal tahun 1990, Datuk Ustaz Kazim telah mula berdakwah menerusi surau dan madrasah. Kegiatan dakwahnya mendapat sambutan ramai apabila beliau menubuhkan sebuah pusat dakwah yang dikenali sebagai Sedaya Irham pada

tahun 2001. Sebagai Pengarah Urusan pusat dakwah, beliau juga telah mula menceburi bidang perniagaan. Beliau mula menjual produk kesihatan serta keperluan muslim di pusat operasi Sedaya Irham di Jalan Tun Abdul Razak, Ipoh.

Link video ceramah Ustaz Kazim Elias : <https://vt.tiktok.com/ZS8jNGb9F/>

Natijah daripada video tersebut adalah beliau menasihati dan menyuruh kita untuk sentiasa dekatkan diri kita dengan Allah. Jadikanlah Allah sebagai satu satunya tempat untuk kita meluahkan segala masalah. Yakinlah, Allah akan membantu hambanya yang berharap dan bertawakkal kepada Allah.

Jadual 1: Jadual kaedah dan keberkenpendakwah yang menggunakan Aplikasi Tiktok sebagai medan dakwah

Nama Pendakwah	Teknik Penyampaian	Keberkesanan		
		Sukaan	Tontonan	Komen
Ustaz Adnin Roslan	Teknik soal jawab	11 900	87 200	148
Ustaz Azhar Idrus	Teknik soal jawab	1211	18 100	7
Ustaz Syamsul Debat	Video Keratan Ceramah	38 900	515 900	182
Ustaz Wadi Annuar	Video Keratan Ceramah	255 700	1 200 000	2126
Ustazah Asma' Harun	Video Tweet di Twitter	7981	98 600	227
Ustaz Kazim Elyas	Video Keratan Ceramah	16 800	187 400	128

Dapatan Kajian

Video ceramah daripada Ustaz Adnin Roslan adalah bertajuk berakhlak baiklah dengan ibu bapa yang menekankan berkaitan islam mewajibkan anak-anak menghormati dan berakhlak baik kepada kedua ibu bapa samada mereka masih hidup atau meninggal dunia. Hasil daripada video dakwah daripada Ustaz Adnin Roslan memperoleh 11 900 Sukaan, 87 200 Tontonan serta 148 Komen. Hal ini demikian kerana penonton menunjukkan respond yang sangat positif sebagai contoh pengguna yang bernama Jannah Manan telah memberi pendapat/sokongan penuh menunjukkan bahawa ianya sangat bersetuju dengan apa yang disampaikan oleh Ustaz Adnin diruang komen. Peranan seorang anak hendaklah menjaga hati ibu bapa atau menghormati lawak jenaka mereka seperti menyambut cerita yang disampaikan dengan gembira.

Seterusnya, Video ceramah daripada Ustaz Azhar Idrus adalah bertajuk ketika solat ada tetamu datang rumah yang menekankan berkaitan memberi isyarat seperti kuatkan bacaan suara ketika solat untuk memberi petunjuk bahawa tuan rumah sedang menunaikan solat. Hasil daripada video dakwah daripada Ustaz Azhar Idrus memperoleh 1211 Sukaan, 18 100 Tontonan serta 7 Komen. Hal ini demikian kerana penonton menunjukkan respond yang sangat positif sebagai contoh pengguna yang bernama Izzah Anuar telah memberi

pendapat/sokongan penuh menunjukkan bahawa ianya sangat bersetuju dengan apa yang disampaikan oleh Ustaz Azhar Idrus diruang komen. Contohnya diharuskan peranan tuan rumah memberi respon apabila mendengar tetamu memberi salam di luar ketika sedang solat seperti menguatkan takhbir rukuk ketika solat.

Video ceramah daripada Ustaz Syamsul Debat bertajuk ‘Kekeluargaan’ yang menekankan berkaitan menjaga hubungan antara suami dan isteri di rumah. Hasil daripada video dakwah daripada Ustaz Syamsul Debat memperoleh 38 900 sukaan, 515 900 tontonan serta 182 komen. Hal ini demikian kerana tajuk yang dibawa oleh Ustaz Syamsul Debat amat panas untuk dibahaskan, sehinggakan penonton di ruang komen video tersebut menunjukkan respond ‘saya suka dengar ceramah ustaz’ menunjukkan bahawa ianya sangat bersetuju dengan apa yang disampaikan oleh Ustaz Syamsul Debat diruang komen. Peranan Ustaz Syamsul Debat amat penting di Aplikasi Tiktok, hal ini kerana cara penyampaian Ustaz Syamsul Debat yang membawa watak lucu dan telatah kelakar daripada golongan anak-anak muda hingga golongan dewasa di Aplikasi Tiktok tidak jemu mendengar ceramah daripada Ustaz Syamsul Debat. Inia mat penting dalam menarik minat pengguna-pengganu yang banyak meluangkan masa di Tiktok dengan perkara yang berfaedah.

Seterusnya berdasarkan petikan jadual di atas, video penceramah daripada Ustaz Wadi Annuar bertajuk ‘Kasih daripada Allah SWT’ yang menekankan berkaitan menjaga hubungan antara Allah swt dalam ibadah fardhu dan sunnat. Hasil daripada video dakwah daripada Ustaz Wadi Annuar memperoleh 255 700 sukaan, 1 200 000 tontonan serta 2126 komen. Hal ini demikian kerana tajuk yang dibawa oleh Ustaz Wadi Annuar berkaitan dengan syurga dan neraka menyebabkan penonton suka untuk mendengarnya. Tambahan pula cara penyampaian oleh Ustaz Wadi Annuar amat mengayat hati, sehinggakan penonton di ruang komen video tersebut memberi komen ‘saya ikrar, solat, sedekah dan zakat saya untuk menjemput rahmat dalam hati orang soleh agar dipermudahkan solat, InshaaAllah Amin ya Rabb’, ini menunjukkan bahawa video Ustaz Wadi Annuar amat memberi kesan kepada pendengar. Hal ini demikian kerana cara penyampaian Ustaz Wadi Annuar amat menyentuh hati dan tegas dalam menyampaikan sehingga penonton menitiskan air matanya ketika mendengar ucapan daripada beliau kerana terlalu mendalami apa yang disampaikan oleh Ustaz Wadi Annuar.

Tambahan pula, video ceramah yang dihasilkan oleh Ustazah Asma Harun juga memberikan impak yang positif kepada penonton. Ustazah Asma Harun menggunakan kaedah yang lembut dan teguran yang sopan membuatkan semua penonton suka mendengar teguran dan nasihat beliau. Tajuk yang diambil oleh video yang dimuatnaik oleh beliau adalah selamanya yang memberi lebih baik daripada menerima. Tajuk ini menerangkan tentang kelebihan memberi daripada menerima. Beliau juga menyeru penonton supaya ikhlas dalam melakukan sesuatu perkara tanpa mwngharapkan balasan daripada manusia. Oleh itu, hasil daripada video itu beliau mendapat 7981 sukaan, 98 600 tontonan dan 227 komen. Hal ini jelas apabila seorang pengguna yang bernama Nurfarahin Ain meninggalkan komen tang positif dengan menyatakan video beliau memberikan kekuatan untuk meneruskan kehidupan yang penuh ujian.

Di samping itu, video ceramah daripada Ustaz Kazim Elias juga menjadi pilihan apabila tajuk “dekatkanlah diri dengan Allah, Allah akan jaga kita”. Hasil daripada video tersebut Ustaz Kazim Elias mendapat 16 800 sukaan, 187 400 tontonan dan 128 komen. Keratan ceramah video beliau mendapat impak positif kepada penonton. Ini terbukti apabila seseorang pengguna yang bernama puertiqueque meninggalkan komen positif dengan menyeru kawan kawan untuk tidak meninggalkan solat walau apapun yang terjadi. Jelaslah, keratan ceramah

beliau membuatkan penonton tersentuh dan merima nasihat yang diberikan. Peranan Ustaz Kazim Elyas amat penting kerana beliau merupakan figura yang aktif di media social Tiktok, malah ramai peninton dikalangan anak muda amat gemar dengan ‘content’ yang dibawa oleh Datuk Ustaz Kazim Elyas yang berdakwah sambil mengikut ‘trend’ di Tiktok.

Oleh itu, ceramah dan nasihat melalui tiktok yang memperolehi sukaan terbanyak adalah video keratan ceramah yang disampaikan oleh Ustaz Wadi Anuar. Ini membuktikan bahawa kaedah yang dilakukan oleh Ustaz Wadi Anuar mendapat penerimaan oleh penonton. Video itu juga dipenuhi komen komen yang baik. Ustaz Wadi Anuar juga seseorang yang sangat berpengaruh dan disukai masyarakat. Teguran dan nasihat yang lembut dapat membuka minda masyarakat untuk selalu mengingati Allah.

Penutup

Kesimpulannya, banyak cabaran wujud dalam menyusuri arus kemodenan hari ini dan sewajarnya para pendakwah memanfaatkan teknologi komunikasi yang ada dalam menyampaikan dakwah mereka. Jika dilihat daripada penggunaan media sosial, masyarakat lebih cenderung menggunakan aplikasi Tiktok berbanding aplikasi yang lain. Oleh hal yang demikian, para pendakwah seharusnya merebut peluang ini dengan menggunakan aplikasi Tiktok sebagai medium dakwah mereka. Aplikasi Tiktok ini, jika digunakan dengan cara yang baik dan mempunyai lebih banyak pengisian ilmiah di dalamnya, justeru mampu memberikan impak positif dalam kalangan masyarakat. Bahkan, pengisian ilmiah tersebut sangat bermanfaat buat masyarakat kita pada hari ini. Pendakwah hari ini juga seharusnya lebih kreatif dan fleksibel dengan masyarakat supaya mesej dakwah yang disampaikan dapat diterima baik oleh mereka. Secara tuntasnya, aplikasi Tiktok ini memudahkan lagi pendakwah untuk mendekati sasaran dakwahnya dalam menyampaikan nilai pengajaran Quran dan Sunnah dalam dalam kalangan golongan muda.

Rujukan

Al-Qur'anul Karim

- Miqdad M.M, M. Faiz A. Ibrahim, M. Najib A. R, M. Alif H. R. (2022, June). Video Suntingan Ceramah di Media Sosial: Isu dan Cabaran. *Jurnal Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-7*.
- N. Fatin Farhanah M. S., N. Syamimi A.A, N. Nadhirah A.A. (2022, June). Keberkesanan Aplikasi Tiktok dalam Menyampaikan Nilai Pengajaran Quran dan Sunnah dalam Kalangan Masyarakat. *Jurnal Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*.
- Aldi F. (2018). Perspektif Dakwah Islam dalam Penggunaan Aplikasi Tiktok di Masa Pandemi Covid-19. *Institut Agama Islam Negeri Parepare, Fakultas Ushuluddin Adab dan Dakwah, Program Studi komunikasi dan penyiaran islam*.
- Anis N. A. A., Raudhatul J. A., Nurdamia K. K., (2022, June) Media Sosial sebagai Platform Penyampaian Dakwah: Implikasinya Terhadap Remaja. *Jurnal Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-7*
- Dinda R. H. (2021). Pemanfaatan Media Tiktok sebagai Media Dakwah oleh Ikhwan Mukhlis. *Fakultas Dakwah Universitas Islam Negeri Profesor Kiai Haji Saifuddin Zuhri Purwokerto*
- Yulia N. F. R., Safrinal, Jalimah Z. L, M. Roy P. (2021). Strategi Pemanfaatan Aplikasi Tiktok sebagai Media Dakwah untuk Kaum Milenial. *Universitas Islam Indonesia, Jl. Kaliurang Km. 14.5 Sleman Yogyakarta 55584 Indonesia*
- Fauziah H., Masyitah A. M., Sofia H. Y., M. Zaki M. (2020) Peranan Pengamal Media dalam Pembentukan Kandungan Media Seimbang dan Wasatiyyah. *Universiti Sains Islam Malaysia*
- Riska P., Umi I, Fella V. F., N. Lail S, Ailyn M. S. (2021) Analisis Penggunaan Aplikasi Tiktok Sebagai Media Dakwah Di Era Modern. *Academia Journal of Multidisciplinary Studies*
- Qayyim K. (2022). Dakwah Melalui Media (Aplikasi Tiktok). *Seminar Dakwah & Wahdah Al-Ummah 2022. Interaksi Dakwah di Malaysia Merentas Zaman, Fakulti Pengajian Islam UKM*
- Tiktok Ustaz Adnin Roslan. Berakhlak Baiklah dengan Mak dan Ayah. Retrieved December 22, 2022, from <https://vt.tiktok.com/ZS8j16yS1>
- Tiktok Ustaz Azhar Idrus. Hukum Menjawab Salam Tetamu Datang ke Rumah Ketika Solat Fardhu. Retrieved Oktober 3, 2022, <https://vt.tiktok.com/ZS82gBNYA/>
- Tiktok Ustaz Syamsul Debat. Kekeluargaan Suami dan Isteri ketika di Rumah. Retrieved September 13, 2022, <https://vt.tiktok.com/ZS8j1NUGw>
- Tiktok Ustaz Wadi Annuar. Cara Mendapat Kasih daripada Allah swt. Retrieved September 15 3, 2022, <https://vt.tiktok.com/ZS8j16yS1>
- Tiktok Ustazah Asma Harun. Ikhlas dalam Melakukan Kebaikan. Retrieved December 2, 2022, <https://vt.tiktok.com/ZS82XSpH1/>
- Tiktok Ustaz Kazim Elyas. Tegahan Supaya Sentiasa Mendekatkan Diri Kepada Allah SWT. Retrieved January 13, 2022, <https://vt.tiktok.com/ZS8jNGb9F/>